



TEKS UCAPAN

YANG BERBAHAGIA

TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB ABD RAHMAN

SEMPENA

MAJLIS

SETULUS BUDI MEMPERKASA PERTIWI

13 JANUARI 2022

9.00 PAGI, AUDITORIUM JPA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Datuk Seri Hj. Suhaime bin Mahbar, Timbalan Ketua
Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan),

Pengarah-Pengarah Bahagian,

Para hadirin yang dihormati sekalian.

Saya memanjatkan setinggi-tinggi puji dan syukur pada Allah SWT kerana memberikan kesempatan yang sangat bernilai pada saya untuk kita semua sama-sama berkumpul di dalam majlis pada hari ini – Perhimpunan Bulanan JPA yang mungkin terakhir bagi saya.

2. Kehadiran YBhg. Datuk/ Datin/ tuan/ puan pada hari ini membuatkan saya berasa amat terharu. Saya sangat menghargai kehadiran dan pertemuan kita semua pada hari ini. Dalam mematuhi SOP pandemik yang masih berkuatkuasa, hanya sebahagian sahaja daripada warga JPA yang dapat hadir bersama dalam Auditorium ini, manakala selebihnya mengikuti perhimpunan ini secara dalam talian.

TEKAD BERI KHIDMAT TERBAIK

3. Kira-kira 34 tahun yang lalu, ketika saya terpilih untuk menyertai Perkhidmatan Awam, telah tersemat niat dan tekad di jiwa saya untuk menabur khidmat bakti *without fear or favour* demi agama, bangsa dan Negara tercinta ini. Bermula daripada 12 Januari 1988 di Kementerian Perusahaan Awam, tempoh 34 tahun seterusnya telah memberi peluang kepada saya bukan sahaja untuk menabur bakti, tetapi juga telah mengisi jiwa saya dengan begitu banyak pengalaman yang tidak ternilai.

4. Namun kisah suka-duka yang saya lalui secara peribadi bukanlah perkara utama yang dijadikan penilaian, tetapi apa yang penting adalah apakah saya telah memberikan sumbangan yang terbaik sebagai seorang penjawat awam kepada Perkhidmatan Awam dan kepada negara kita Malaysia. Itulah penilaian kita yang sebenar sebagai seorang penjawat awam.

5. Sebagaimana YBhg. Datuk/ Datin/ tuan/ puan sedia maklum, mulai 1 Oktober 2019, saya telah diamanahkan untuk menerajui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Perkhidmatan Awam sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.

6. Namun sebagai seorang penjawat awam juga, kita terima sebarang amanah dengan penuh rasa tanggungjawab, dan cuba sedaya-upaya kita untuk melaksanakannya sebaik mungkin. Selama tempoh saya sebagai KPPA, saya telah berusaha sebaik mungkin untuk menjalankan amanah, dengan bantuan dan sokongan daripada semua Bahagian, terutamanya kedua-dua Timbalan KPPA Pembangunan dan Operasi.

7. Sebagaimana yang selalu saya ingatkan sebelum ini, Perkhidmatan Awam adalah tunjang negara. Tanpa Perkhidmatan Awam yang utuh, tentunya negara kita akan terkesan dengan lebih teruk semasa menghadapi pandemik COVID-19 serta perubahan kepimpinan politik. Ini adalah satu lakaran yang 'unprecedented' dalam sejarah negara kita.

KEIKHLASAN BERBAKTI PERLU DIKEKALKAN

Para hadirin yang dihormati sekalian.

8. Semangat ingin bertugas dan menyumbang bakti dengan tulus ikhlas kepada rakyat perlu terpahat di kalangan semua penjawat awam. Hari ini, generasi seusia dengan saya sudah semakin sedikit bilangannya, namun legasi dan semangat untuk berbakti perlu diteruskan oleh generasi penjawat awam pada masa kini.

9. Semangat untuk berkhidmat dan menyumbang bakti secara ikhlas perlu sentiasa disuburkan, kerana kita tidak mahu melihat generasi muda penjawat awam lebih mementingkan kemudahan yang mereka terima daripada sumbangan yang mereka berikan.

10. Kelangsungan semangat untuk berkhidmat dengan ikhlas boleh direalisasikan dengan usaha yang berterusan untuk meningkat dan menambah baik perkhidmatan yang diberikan. Berkenaan perkara ini, saya juga sering mengingatkan pegawai-pegawai di JPA bahawa kita perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan nilai (*add value*) kepada kerja harian kita. Walau pun kita laksanakan dalam skop yang kecil, tetapi apabila ramai daripada kita yang berbuat demikian, kesannya tentu akan menjadi besar dan dapat dirasakan oleh pihak yang menerima perkhidmatan tersebut.

11. Semasa saya baharu menjawat jawatan KPPA dahulu, saya telah memberi keutamaan kepada tiga perkara iaitu **kepantasan**, **profesionalisme**, dan **integriti**. Tiga elemen yang saya perkenalkan ini bukan datang begitu sahaja, tetapi daripada pemerhatian saya sepanjang perkhidmatan saya sebelum itu. Saya percaya bahawa jika setiap individu penjawat awam dapat melaksanakan kerja dengan pantas dan cekap, bersikap profesional dan berintegriti, Perkhidmatan Awam akan menjadi efisien dan seterusnya menyumbang kepada negara yang membangun, maju dan makmur.

BERSYUKUR DAN MEMBERI KEUTAMAAN DALAM HIDUP

Para hadirin yang dihormati sekalian.

12. Secara asasnya, persaraan adalah pengakhiran bagi sesuatu dan permulaan kepada sesuatu yang lain. Bak kata pepatah Inggeris *“Retire from work, but not from life”*. *“Life is like riding a bicycle. You don’t fall off unless you stop pedalling”*. Kita hanya benar-benar bersara apabila dijemput Yang Maha Esa ke alam lain.

13. Di sini, saya ingin mengajak semua warga JPA agar mencari titik keseimbangan dalam kehidupan kita. Tanggungjawab ke atas kerja adalah penting, tetapi dalam masa yang sama tanggungjawab kita ke atas diri sendiri dan keluarga adalah sama penting kerana kesemua elemen ini saling berkait rapat.

14. Jangan sesekali kita lupa untuk membajai hubungan kita dengan mereka yang berada di luar ruang lingkup kerja. Dan jangan juga lupa untuk meneruskan minat dan hobi yang kita ada. Keluarga, kawan-kawan dan jiran adalah jaringan sokongan yang memastikan keseimbangan dalam kehidupan dan pembangunan sahsiah diri seseorang.

15. Manfaatkanlah persekitaran kerja dan kemudahan yang disediakan agar kesihatan mental dan fizikal kita semua berada pada tahap yang optimum. Saya percaya suasana kerja yang kondusif membantu meningkatkan produktivi dan menggalakkan pertukaran idea sekaligus membantu organisasi mencapai keberhasilan yang disasarkan.

Hadirin sekalian,

16. JPA sebagai agensi pusat yang diamanahkan berkaitan Pengurusan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam wajib menerajui pembaharuan serta menggerakkan pembaharuan dengan langkah berani.

17. Jika kita masih ragu-ragu untuk bergerak ke hadapan, serta tidak berani melakukan perubahan selaras dengan perkembangan global yang begitu pesat dan dinamik, kita khuatiri JPA tidak lagi menjadi relevan sebagai peneraju dalam Perkhidmatan Awam.

18. Atas kesedaran tersebut, serta rasa tanggungjawab terhadap perkhidmatan awam dan negara ini, saya berdoa dan menaruh harapan JPA akan terus mengekalkan legasi serta kekuatan sekarang ini. Saya berharap kita semua akan terus bersatu hati dan bekerja sebagai satu pasukan yang jitu atau keluarga yang muhibah bagi melonjakkan kecemerlangan perkhidmatan awam Malaysia.

RAKAMAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Hadirin sekalian,

19. Sebagaimana termaklum, tanggungjawab saya sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam akan berakhir pada 15 Januari 2022 ini.

20. Saya amat menghargai dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga JPA yang saya anggap sebagai satu keluarga besar, atas komitmen tinggi dalam memastikan JPA terus kekal relevan dengan fungsi dan peranan kepada rakyat dan negara sepanjang 2 tahun, 3 bulan dan 14 hari perkhidmatan saya ini sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. *“Memory lasts forever, never does it die. True friends stay together and never say goodbye”.*

21. Izinkan saya berkongsi sedikit nukilan dari hati saya.

*Adat orang berkampung,
ada yang datang, ada yang pergi.
Saya akan pergi ... tapi,
macam kuah kari,
masih likat berisi,
sedap dicicah roti benggali,
minum petang bersama kopi,
tapi sayang sekali,
dah sampai tarikh expiry.*

*Namun dari lubuk hati,
terima kasih tidak terperi,
tidak terbalas bahasa dan budi.
Hanya berdoa kepada Illahi,
semoga semua dirahmati.
Saya berendah diri
kepada semua yang telah berbakti,
terima kasih setulus suci,
seikhlas hati.*

*Adat orang berkampung,
ada yang datang, ada yang pergi.
Esok lusa belum dimiliki.
Saya akan pergi ...
sekejap lagi ...
walau sering terkasar bahasa, tersasar budi,
sebab luah datang dari hati,
bukan niat untuk menyakiti,
tabiat semulajadi, sejak azali.
Mak abah juga dah jenuh menasihati.*

*Kalau takdir berundur diri,
last chan untuk menyusun jari,
ampun maaf dicari
hopefully kita seri.
Agree?*

*Adat orang berkampung,
ada yang datang, ada yang pergi.
Ada yang pergi datang kembali,
ada yang pergi tak pulang lagi.*

*... mungkin tak cukup bestari
atau tak pandai melobi ...*

*Walau apa diberi,
rezeki mesti dari yang diberkati.
nikmat mencukupi dan disyukuri.
Pemberian tertinggi dari Illahi,*

*Adat orang berkampung,
ada yang datang, ada yang pergi.
Bisik wasiat mengingatkan,
Ingat Allah ingat Nabi,
Patuhi Janji
kepada Ulil-Amri
Ibu Pertiwi tidak terkecuali.*

*Jauhi rasuah yang dikeji,
moga hidup berinti integriti
dan ... jangan suka melobi-lobi.
Supaya kita tegak berdiri
di atas kaki sendiri,
kerana Tuhan lah pemberi rezeki.*

*Doa agar negara meningkat prestasi,
supaya Keluarga mudah mencari rezeki,
tanpa keringat berjurai di dahi
atau air mata mengalir membasahi pipi,
jauhi la salam yang berisi-isi.
Rasuah mesti diperangi,
habis habisi.*

*Adat orang berkampung,
ada yang datang, ada yang pergi,
yang ditinggal akan sentiasa diingati.
Saya pergi menyambung misi,
sisa hidup akan diisi
untuk saradiri, anak serta isteri,
mohon direstui,
perpisahan ini.*

*Adat orang berkampung
ada yang datang, ada yang pergi.*

Pesan Mak Abah terpetri di belakang dahi:

- *kaya orang jangan di iri;*
- *Miskin kita jangan ditangisi;*
- *Agama jadi tiang seri;*
- *Pandai-pandai jaga diri;*
- *Kerja ikhlas, penuh dedikasi;*
- *Kelak akan disanjung.*

*Rezeki turun tak berhenti-henti,
APC dan kalungan Hari Jadi.
Juga Pingat bakti, Negara Matahari!*

*Kasih Mak berkati-kati,
tubuh kecil hati sembunyi.
Semoga Roh Abah sentiasa dicucuri.
Susah berhutang membesarkan kami.
Bertahajjud malam menghiasi hari.
Yang baik doa diwarisi.
Menjadi bekalan di hari nanti.
Bacaan Al-Fatihah turut mengiringi.
Amiin Ya Allah Amiin Ya Rabbi.*

*Tunai sudah amanah diberi
Tidak lagi ahli Pengurusan Tertinggi.
Kini kembali menjadi suami
mithali ... menemani Puan Sri
dan bersama famili.
Bergerak kesana sini
SOP tetap dipatuhi.*

*Adat orang berkampung
ada yang datang, ada yang pergi.
Yang ini esok lusa tiada lagi.
Walau tampak ceria berseri,
hati pilu meratapi,
resam dan tradisi setiap hari,
akan sepi tiada lagi.*

*Adat orang berkampung
asyik datang, asyik pergi,
Mencari suatu yang abadi.
Akhir nesan tempat bersemadi*

*Kembali kepada Illahi
... dan tiada lagi.
Duniawi ...*

*Jangan buat tak erti
Itulah janji dari Azali.*

*Ya Allah, mohon diampuni
restui lah perjalanan ku ini.*

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Terima kasih.